KERATAN AKHBAR ISU-ISU INTEGRITI TAHUN 2026

JULAI

UNIT INTEGRITI DAN PEMODENAN PENTADBIRAN

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

HARIAN METRO

02.07.2026 (KHAMIS)

Henti budaya merajuk apabila ditegur pihak atasan

Warga AKPS perlu keluar dari zon selesa, pematuhan arahan jadi tunjang operasi

Oleh Hafidzul Hilmi Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Pegawai dan anggota Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) diminta supaya menghentikan budaya 'merajuk' dan menggunakan alasan cuti sakit palsu apabila ditegur oleh pihak atasan.

Ketua Pengarahnya, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, pegawai dan anggota yang didapati berbuat demikian akan berdepan tindakan tatertib manakala laporan polis akan dibuat ke atas klinik swasta yang bersubahat mengeluarkan surat cuti sakit tidak sah.

Beliau berkata, setiap warga AKPS perlu keluar daripada zon selesa dan menjadikan budaya pematuhan arahan sebagai tunjang utama dalam pengoperasian agensi.

"Disiplin yang mana sekiranya ditegur, tidak merajuk dan esoknya tidak memberi alasan sakit atau mengambil surat cuti sakit yang diragui. Budaya ini akan saya noktahkan dengan tindakan disiplin.

"Budaya sebeginilah yang membuatkan sesuatu organisasi penguatkuasaan itu hilang taringnya," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan AKPS, di sini, semalam.

Mohd Shuhaily berkata, AKPS menuntut komitmen penuh daripada setiap pegawainya bagi memartabatkan semula imej petugas di barisan hadapan pintu masuk negara sekali gus mengembalikan kepercayaan rakyat.

Perhimpunan bulanan bagi bulan Julai itu membawa pengertian signifikan kerana ia diadakan bersempena pelaksanaan rasmi Skim Perkhidmatan AKPS yang mula berkuat kuasa semalam.

Tarikh ini turut menandakan genap setahun kepimpinan Mohd Shuhaily menerajui agensi berkenaan sejak 1 Julai 2025.

Dalam perkembangan berasingan, beliau turut berkongsi kejayaan agensi itu merekodkan nilai tangkapan, rampasan dan serahan sebanyak RM140.86 juta bagi tempoh Januari hingga Mei lalu.

Jumlah berkenaan mencatatkan peningkatan hampir dua kali ganda berbanding RM82.1 juta yang direkodkan sepanjang tahun 2025.

"Sebanyak 432 kontena sisa elektronik (e-waste) dengan berat melebihi 5,803 tan berjaya ditahan daripada dibawa masuk atau keluar negara secara tidak sah.

"Melalui koordinasi tersusun di bawah prinsip *Whole of Government*, sebanyak 122 kontena e-waste berkenaan telah dihantar keluar ke beberapa negara penerima tertakluk kepada keperluan Konvensyen Basel," katanya.

"Disiplin yang mana sekiranya ditegur, tidak merajuk dan esoknya tidak memberi alasan sakit atau mengambil surat cuti sakit yang diragui. Budaya ini akan saya noktahkan dengan tindakan disiplin"

Mohd Shuhaily



MOHD Shuhaily (dua dari kanan) bersama Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) AKPS, Mohd Nasaruddin M Nasir (kiri), Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), Zuraini Othman dan Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan), Ismail Mokhtar memotong pulut kuning sempena ulang tahun AKPS ketika Perhimpunan Bulanan AKPS di Putrajaya. - Gambar NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

HARIAN METRO

02.07.2026 (KHAMIS)

5 pegawai AKPS ditamat perkhidmatan

Putrajaya: Budaya rasuah dan salah laku membabitkan petugas di pintu masuk negara perlu dihentikan segera, tegas Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS), Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain.

Memberi amaran keras kepada pegawai dan anggotanya, beliau menyifatkan isu integriti masih membelenggu pasukan itu dan menjadi 'duri dalam daging' buat agensi berkenaan.

Mendedahkan tindakan tegas yang diambil, Mohd Shuhaily berkata, lima pegawai sudah ditamatkan perkhidmatan walaupun AKPS baru beroperasi kurang daripada setahun.

"Selain itu, seramai 15 anggota sedang berdepan prosedur tatatertib, manakala 50 lagi masih dalam siasatan aktif," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan AKPS di sini, semalam.

Bagi menangani kepincangan disiplin secara menyeluruh, beliau memaklumkan bahawa pihak veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) akan diarahkan untuk memainkan peranan yang lebih besar di pintu masuk utama negara.

Mohd Shuhaily turut menegaskan bahawa statistik pembuangan kerja bukanlah Indeks Prestasi Utama (KPI) yang disasarkannya.

"Adalah menjadi hasrat saya untuk mengurangkan jumlah mereka yang dibuang kerja kerana matlamat utama kita adalah memastikan budaya rasuah dan salah guna kuasa dinoktahkan sepenuhnya dalam AKPS," katanya.

Dalam perkembangan berasingan, beliau memaklumkan AKPS mencadangkan perolehan senjata api jenis Glock untuk kegunaan pasukan penguat kuasa itu.

Katanya, kerajaan secara dasarnya sudah bersetuju untuk membekalkan kemudahan itu bagi kelancaran tugas serta memastikan keselamatan anggota terjamin, manakala pemilihan model Glock dibuat berdasarkan spesifikasinya.

"Kita inginkan senjata yang mudah diselenggara dan tidak menelan kos yang besar. Umum sedia maklum, pistol jenis Glock kurang penyelenggaraan dan lasak. Itu yang kita minta," katanya.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluluskan peruntukan sebanyak RM22 juta bagi melengkapkan AKPS dengan senjata api dan kelengkapan operasi yang bersesuaian.

SINAR HARIAN

02.07.2026 (KHAMIS)

Sinar Harian
2/7/2026
Khamis

Hentikan budaya 'merajuk' dan alasan cuti sakit palsu

Amaran tegas Shuhaily kepada mereka yang sertai AKPS supaya keluar daripada zon selesa

Oleh AFHAM RAMLI



Mohd Shuhaily (dua dari kanan) memotong pulut kuning sebagai simbolik pentadbiran setahun kepimpinannya menerajui AKPS ketika perhimpunan bulanan AKPS di Putrajaya pada Rabu.

PUTRAJAYA - Pegawai dan anggota yang menyertai Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) perlu menekankan disiplin, elak budaya 'merajuk' dan memberi alasan cuti sakit palsu apabila ditegur.

Ketua Pengarah AKPS, Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, semua yang masuk dan menyertai AKPS harus keluar daripada zon selesa masing-masing.

Menurutnya, budaya *chain of command* akan menjadi tunjang pengoperasian AKPS.

"Disiplin yang mana sekiranya ditegur, tidak merajuk dan esoknya tidak memberi alasan sakit dan mengambil surat cuti sakit yang diragui.

"Budaya ini akan saya noktahkan dengan tindakan disiplin. Mana-mana klinik swasta yang memberikan surat cuti tidak sah akan saya buat laporan polis," katanya semasa berucap di Perhimpunan Bulanan AKPS di sini pada Rabu.

Mohd Shuhaily berkata, budaya sebeginilah yang membuatkan sesuatu organisasi penguatkuasaan hilang taringnya.

Jelasnya, dalam erti kata lain AKPS memerlukan komitmen pegawai dan anggota dalam memartabatkan kembali maruah diri yang berada di barisan hadapan pintu masuk negara.

"Secara langsung kembalikan kepercayaan rakyat dalam memikul amanah ini...dengan wajah baru, saya amat berharap tuan tuan dan puan puan dapat membawa wadah baharu," ujarnya.

Perhimpunan Bulanan AKPS bagi bulan Julai 2026 diadakan bagi menghimpunkan seluruh warga AKPS sebagai platform komunikasi rasmi kepimpinan tertinggi agensi dalam menyampaikan hala tuju strategik, memperkukuh kesatuan organisasi serta menyemarakkan budaya kerja yang berteraskan integriti, kecekapan dan profesionalisme.

Penganjuran kali ini turut membawa signifikan yang tersendiri kerana diadakan bersempena pelaksanaan rasmi Skim Perkhidmatan AKPS yang mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2026.

Tarikh 1 Julai ini juga merupakan genap satu tahun kepimpinan Mohd Shuhaily sejak 1 Julai 2025.

Dalam pada itu, beliau turut berkongsikan kejayaan tangkapan, rampasan dan serahan bagi tempoh Januari hingga Mei lalu yang mencecah RM140.863 juta iaitu hampir dua kali ganda berbanding RM82.1 juta yang direkodkan sepanjang tahun 2025.

"Sebanyak 432 kontena e-waste dengan jumlah berat melebihi 5,809 tan berjaya ditahan daripada dibawa masuk atau keluar negara secara tidak sah," ujarnya.

Kata beliau, melalui koordinasi tersusun di bawah prinsip *Whole of Government*, 122 kontena e-waste telah dihantar keluar ke beberapa negara penerima mengikut keperluan Konvensyen Basel.

Noktah rasuah

Sementara itu katanya, budaya rasuah dan salah laku di pintu masuk perlu diberikan tanda noktah berhubung perihal integriti yang masih menjadi duri dalam daging.

"Satu isu yang merunsingkan saya ialah perihal integriti yang masih menjadi duri dalam daging.

"Sejak beroperasi AKPS kurang daripada setahun kita telah menarik perkhidmatan lima pegawai dan 15 orang masih dalam prosedur tatatertib, 50 masih lagi dalam siasatan aktif," katanya lagi.

Dalam pada itu beliau berkata, 54 peratus pegawai daripada lima agensi teras menyertai Skim Perkhidmatan AKPS yang mula dikuatkuasakan secara rasmi pada 1 Julai.

Lima agensi teras itu ialah Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan serta Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia.

BERITA HARIAN

07.07.2026 (SELASA)

Penolong pengarah kastam dituduh terima rasuah RM15,000

Shah Alam: Seorang penolong pengarah Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini atas pertuduhan memperoleh suapan RM15,000 sebagai balasan menutup satu kertas siasatan dikendalikannya, bulan lalu.

Fareez Akmal Md Yusuf, 38, bagaimanapun mengaku tidak bersalah sejurus pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Datuk Mohd Nasir Nordin.

Mengikut pertuduhan, Fareez Akmal yang bertugas di Unit Siasatan Penipuan Perdagangan, Bahagian Penguatkuasaan Kastam Kuala Lumpur, didakwa memperoleh wang tunai RM15,000 daripada seorang lelaki berusia 50 tahun sebagai dorongan untuk menutup satu kertas siasatan yang sedang disiasatnya.

Dia didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009, yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun serta denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana yang lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Kesalahan itu didakwa dilakukan di kawasan parkir di SS4, daerah Petaling, pada 29 Jun lalu.



Fareez Akmal dibawa ke Mahkamah Sesyen Shah Alam, semalam. (Foto BERNAMA)

Timbalan Pendakwa Raya, Muaz Ahmad Khairuddin, memohon mahkamah menetapkan jaminan RM10,000, selain mengenakan syarat tambahan supaya tertuduh menyerahkan pasport, melapor diri kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan tidak menghubungi atau menganggu saksi.

Peguam bela, Azrul Zulkifli Stork, dalam rayuan jaminan memaklumkan anak guamnya berpendapatan RM4,500 sebulan serta pencari nafkah tunggal kepada isterinya yang berusia 38 tahun, dua anak masing-masing berusia sembilan dan enam tahun, selain ibu bapa serta ibu mentuanya yang sudah tua.

Beliau memohon jaminan dikurangkan kepada RM5,000. Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM5,000 dengan seorang penjamin serta mengenakan syarat tambahan seperti dipohon pihak pendakwaan, selain menetapkan 3 Ogos untuk sebutan semula kes.

HARIAN METRO

08.07.2026 (RABU)



ANTARA suspek yang ditahan SPRM.

SPRM tahan tiga suspek kemuka dokumen palsu

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan tiga individu termasuk dua pengarah syarikat, pengeluar dan pemproses padi serta beras kerana disyaki mengemukakan dokumen yang mengandungi butiran matan palsu kepada sebuah institusi kewangan pembangunan.

Dokumen itu dipercayai dikemukakan bagi mendapatkan dana Kemudahan Modal Kerja Perdagangan-I *(Trade Working Capital Financing)* berjumlah kira-kira RM20 juta untuk pembelian padi dan beras.

Menurut sumber, seorang daripada tiga suspek ditahan reman selama lima hari sehingga 11 Julai ini.

Katanya, perintah tahanan reman dikeluarkan Majistret Eliana Ismail selepas permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Sivil Alor Setar, Kedah, semalam.

"Suspek lelaki berusia 30-an itu yang juga pengurus operasi ditahan jam 6 petang semalam (kelmarin) ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Alor Setar, Kedah.

"Siasatan awal mendapati ketiga-tiga suspek adalah ahli keluarga bersubahat melakukan perbuatan itu pada tahun 2025

"Bagaimanapun, dua lagi suspek lelaki berusia 60-an yang juga pengarah syarikat dibebaskan dengan jaminan SPRM," katanya.

Semua suspek dipercayai mengemukakan dokumen palsu itu kepada institusi kewangan pembangunan, bagaimanapun tidak berlaku urusan pembelian padi dan beras.

Sementara itu, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mohd Hafaz Nazar ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 18 Akta SPRM 2009.

BERITA HARIAN

08.07.2026 (RABU)

3 ditahan tipu pembelian beras RM20j

Kuala Lumpur: Tiga sekeluarga, termasuk dua pengarah syarikat pengeluar dan pemproses padi serta beras ditahan kerana disyaki mengemukakan dokumen butir matan palsu bagi mendapatkan dana untuk pembelian makanan ruji itu bernilai kira-kira RM20 juta.

BH difahamkan, dana Kemudahan Modal Kerja Perdagangan-I (Trade Working Capital Financing) itu mahu diperoleh daripada sebuah institusi kewangan pembangunan.

Suspek dipercayai mengemukakan dokumen palsu kepada institusi kewangan pembangunan itu, tetapi urusan pembelian padi dan beras berkenaan tidak berlaku.

Sumber berkata, siasatan awal mendapati ketiga-tiga suspek yang juga ahli keluarga itu bersubahat melakukan perbuatan terbabit pada 2025.



Antara tiga suspek yang ditahan SPRM. (Foto ihsan SPRM)

"Seorang daripada tiga suspek itu ditahan reman selama lima hari sehingga Sabtu selepas Majistret Eliana Ismail membenarkan permohonan dibuat SPRM di Mahkamah Sivil Alor Setar, Kedah pagi tadi.

"Suspek lelaki berusia lingkungan 30-an itu yang juga pengurus operasi ditahan kira-kira jam 6 petang semalam ketika hadir memberi keterangan di pejabat SPRM Alor Setar, Kedah.

"Dua lagi suspek lelaki berusia lingkungan 60-an yang juga pengarah syarikat sudah dibebaskan dengan jaminan SPRM," katanya di sini, semalam.

SINAR HARIAN

10.07.2026 (JUMAAT)

SPRM terima tiga maklumat rasuah termasuk babit seorang calon

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menerima tiga maklumat berkaitan PRN Johor ke-16, termasuk satu dakwaan kesalahan rasuah melibatkan calon pilihan raya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata setakat ini, maklumat yang diterima merangkumi satu aduan daripada Pasukan Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya (PP-KPR) di Batu Pahat, manakala dua lagi merupakan maklumat umum.

Beliau berkata, kesemua maklumat berkenaan sedang dinilai dan disiasat mengikut peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.

"Kalau ada kesalahan rasuah dalam pilihan raya yang sedang berlangsung ini, tidak kira apa parti, calon, pengundi ataupun penyokong, kalau terdapat unsur rasuah, itu tetap rasuah.

"Saya tidak akan komen apa-apa, tetapi dalam kes ini ia melibatkan calon," katanya pada sidang akhbar di SPRM Putrajaya di sini ketika ditanya pemberita mengenai dakwaan rasuah melibatkan calon di Batu Pahat.

Dalam pada itu, Abd Halim memaklumkan SPRM telah mengaktifkan bilik gerakan pilihan raya di Johor Bahru, Segamat, Kluang, Batu Pahat dan Mersing, bagi memudahkan orang ramai menyalurkan maklumat berkaitan salah guna kuasa serta rasuah sepanjang tempoh pilihan raya berlangsung.

SPRM menegaskan tiada kompromi dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang melakukan rasuah pilihan raya, tanpa mengira latar belakang demi memelihara integriti proses demokrasi.

"Pilihan raya yang bersih bukan sahaja menjamin integriti sistem demokrasi, malah memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap institusi negara," katanya.

Beliau turut mengingatkan semua calon, parti politik, penyokong serta pengundi agar sentiasa mematuhi undang-undang sepanjang tempoh berkempen dan pada hari pengundian.

Sebanyak 2.7 juta pemilih biasa yang layak, dijangka menunaikan tanggungjawab masing-masing pada Sabtu ini, untuk memilih 56 wakil rakyat bagi penggal akan datang. - *Bernama*

SINAR HARIAN

10.07.2026 (JUMAAT)

SPRM siasat dakwaan aset mewah RM59 juta dikaitkan dana 1MDB

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka kertas siasatan berhubung dakwaan pemilikan dan pemindahan aset hartanah mewah di luar negara bernilai kira-kira RM59 juta yang dipercayai mempunyai kaitan hasil aktiviti haram serta dana 1Malaysia Development Berhad (1MDB).



ABDUL HALIM

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abdul Halim Aman berkata, maklumat berhubung dakwaan itu diterima pada 15 Jun lalu sebelum kertas siasatan dibuka sehari kemudian bagi menentukan sama ada wujud sebarang kesalahan di bawah Akta SPRM 2009 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLA).

"Siasatan dijalankan bagi menentukan sama ada wujud unsur rasuah, salah guna kuasa, pengubahan wang haram serta aspek pemulihan aset," katanya pada sidang akhbar di Ibu Pejabat SPRM di sini pada Khamis.

Menurut beliau, pada peringkat awal siasatan, SPRM memberi tumpuan kepada usaha mengenal pasti identiti sebenar pemilik akaun yang menyiarkan dakwaan berkenaan, selain mengesahkan ketulenan dokumen yang diserta-kan.

Katanya, proses itu penting sebelum analisis lanjut dijalankan bagi menentukan tindakan seterusnya.

"Apabila perkara-perkara tersebut dapat dipastikan, barulah kita mengenal pasti sumber kewangan yang digunakan untuk memperoleh aset berkenaan sekiranya laporan itu mempunyai asas," jelas beliau.

Abdul Halim berkata, SPRM kini bekerjasama rapat dengan agensi penguat kuasa di dalam dan luar negara bagi mendapatkan maklumat lengkap mengenai pemilikan serta pergerakan aset yang didakwa.

Beliau berkata, sekiranya siasatan mendapati terdapat asas, SPRM akan menjalankan siasatan lanjut di bawah Akta SPRM dan AMLA, termasuk melaksanakan analisis kewangan bagi mengesan sebarang aliran transaksi yang mempunyai kaitan dengan dana 1MDB.

Menurutnya, siasatan juga akan tertumpu kepada usaha pemulihan aset sekiranya terbukti harta berkenaan diperoleh hasil aktiviti yang menyalahi undang-undang.

"Memandangkan siasatan masih di peringkat awal, saya tidak dapat mengulas dengan lebih lanjut. Biarlah siasatan diselesaikan terlebih dahulu sebelum perkembangan lanjut dimaklumkan," katanya.

Ditanya adakah SPRM akan memanggil isteri kepada bekas Perdana Menteri, Abdul Halim menjelaskan pihaknya akan meneliti dari segenap aspek dan akan memanggil sesiapa sahaja sekiranya relevan dalam siasatan.

SINAR HARIAN

10.07.2026 (JUMAAT)

Op DAK: SPRM tak kesan aliran wang kepada Nik Nazmi

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) setakat ini mendapati dakwaan bekas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad menerima rasuah RM53 juta dalam urusan pemindahan tiga ekor gajah, Amoi, Dara dan Kelat (DAK) ke Zoo Tennoji, Osaka, Jepun tidak mempunyai asas selepas siasatan tidak menemukan sebarang aliran wang yang mengaitkannya.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abdul Halim Aman berkata, siasatan yang dijalankan setakat ini tidak mengesan sebarang pembayaran kepada bekas menteri berkenaan mahupun mana-mana syarikat yang mencurigakan.

"Hasil siasatan pihak kami setakat ini menunjukkan perkara yang dibangkitkan itu, berkenaan rasuah RM53 juta itu setakat ini tidak mempunyai asas," katanya.

Menurutnya, semakan terhadap *Cash Transaction Report* (CTR) dan *Suspicious Transaction Report* (STR) melibatkan syarikat dilantik di Malaysia serta pemilik syarikat berkenaan juga tidak menemukan sebarang transaksi mencurigakan.

"Bagaimanapun, semakan CTR dan STR terhadap empat suspek yang dikenal pasti dalam siasatan menemukan beberapa transaksi yang masih memerlukan penelitian lanjut melalui analisis kewangan," ujarnya.

Beliau berkata, siasatan kes berkenaan kini berada di peringkat akhir dan pegawai penyiasat diberikan tempoh sebulan untuk melengkapkan siasatan.

Mengulas lanjut, Abdul Halim memaklumkan, setakat ini seramai 19 saksi dan empat suspek telah dirakam percakapan bagi membantu siasatan.

Katanya, siasatan awal mendapati pemindahan DAK dari Zoo Taiping ke Zoo Tennoji adalah sebahagian pelaksanaan memorandum persefahaman antara kedua-dua zoo.

Hasil siasatan turut mendapati kos pemindahan gajah tersebut ditanggung sepenuhnya oleh Zoo Tennoji, Osaka melalui syarikat yang dilantik, bukannya kerajaan Malaysia.

"Zoo Tennoji telah membayar kepada syarikat dilantik sebanyak AS$1.48 juta, bersamaan kira-kira RM6.39 juta bagi menguruskan proses pemindahan berkenaan," katanya.


SPRM siasat RM53 juta pindah DAK ke Jepun

Laporan *Sinar Harian* pada 23 Jun lalu.

HARIAN METRO

10.07.2026 (JUMAAT)



PINDAH GAJAH KE ZOO JEPUN

Tiada bukti Nik Nazmi ambil rasuah RM53j

Putrajaya: Tiada sebarang bukti yang dapat dikaitkan dakwaan rasuah RM53 juta membabitkan bekas Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad dalam urusan pemindahan tiga gajah dari Malaysia ke sebuah zoo di Jepun.

Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, siasatan setakat ini mendapati tiada yang boleh dikaitkan dengan perkara itu.

Katanya, siasatan menerusi Ops DAK yang dijalankan mengikut Akta SPRM 2009 turut mendapati tiada aliran wang atau pembayaran yang mencurigakan kepada bekas menteri itu atau mana-mana syarikat dikaitkan dengan individu terbabit.

"Siasatan menunjukkan dan mendapati bahawa tidak wujud aliran wang ataupun aliran tunai pembayaran kepada (bekas) menteri atau kepada mana-mana syarikat yang mencurigakan," katanya.

Katanya, pihaknya mengenal pasti empat individu iaitu pegawai penjawat awam sebuah agensi, pesara yang juga bekas pengarah sebuah agensi dan dua pemilik syarikat yang menguruskan proses pemindahan berkenaan untuk membantu siasatan.

Menurutnya, hasil siasatan awal dan semakan terhadap empat individu terbabit mendapati terdapat transaksi yang memerlukan penelitian dan kajian lanjut serta analisis kewangan.

Mengulas lanjut, Abd Halim berkata, pihaknya menerima maklumat dakwaan rasuah dan salah guna kuasa antara 2021 hingga 2022 membabitkan urusan pemindahan tiga gajah iaitu Dara, Amoi dan Kelat (DAK) ke Jepun.

Katanya, setakat ini seramai 23 individu sudah diambil kenyataan membabitkan 19 saksi dan empat suspek, selain turut akan memanggil beberapa individu lain.

Sebelum ini melaporkan, Nik Nazmi menafikan sebarang pembabitan dalam amalan rasuah yang didakwa berkaitan pemindahan tiga gajah dari Malaysia ke sebuah zoo di Jepun.

HARIAN METRO

10.07.2026 (JUMAAT)



HALIM ketika sidang media perkembangan kes siasatan SPRM di Putrajaya, semalam.

KES JHO LOW

'Siasatan masih *on*'

Oleh Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my

Putrajaya

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tidak pernah menutup siasatan terhadap ahli perniagaan dalam buruan, Low Taek Jho atau lebih dikenali Jho Low yang terbabit dalam skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ketua Pesuruhjaya, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, siasatan terhadap individu berkenaan masih dijalankan.

"Ya, siasatan terhadap Jho Low masih lagi 'on', tak pernah ditutup. Ia masih lagi dibuka," katanya pada sidang media semalam.

Semalam media melaporkan, Timbalan Menteri Kewangan Liew Chin Tong menafikan dakwaan bahawa Jho Low memasuki Malaysia bersama delegasi dari China tahun lalu untuk mengadakan rundingan berkaitan skandal 1MDB.

Perkara berkenaan dibangkitkan semasa sesi pertanyaan lisan di Dewan Rakyat semalam, menyaksikan Liew menjawab soalan daripada Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (Muda-Muar) mengenai isu terbabit.

Terdahulu, Syed Saddiq memetik laporan media bahawa Jho Low didakwa menghadiri mesyuarat rahsia di negara ini pada hujung tahun lalu bagi mengadakan rundingan berkaitan pakej pembayaran semula 1MDB yang membabitkan Kementerian Kewangan (MOF).

HARIAN METRO

10.07.2026 (JUMAAT)



ASET RM59 JUTA LUAR NEGARA

Individu berkaitan mungkin dipanggil

Putrajaya: Individu berkaitan berkemungkinan dipanggil Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan pemilikan dan pemindahan aset hartanah mewah di luar negara yang didakwa bernilai RM59 juta (AS$13 juta).

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, siasatan berhubung dakwaan pemilikan dan pemindahan aset hartanah mewah di luar negara itu dipercayai mempunyai kaitan dengan aktiviti haram dan dana 1MDB melalui Ops Agam.

Menurutnya, siasatan dijalankan bagi menentukan sama ada terdapat sebarang kesalahan mengikut Akta SPRM 2009 serta Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA), termasuk unsur rasuah, salah guna kuasa, pengubahan wang haram serta aspek pemulihan aset.

Katanya, pihaknya menerima aduan berhubung dakwaan itu pada 15 Jun lalu dan kertas siasatan sudah dimulakan dan dibuka pada 16 Jun.

"SPRM sedang bekerjasama rapat dengan agensi penguat kuasa dalam dan luar negara bagi mendapatkan maklumat lengkap mengenai pemilikan serta pergerakan aset berkenaan," katanya.

Beliau berkata, pada peringkat awal, siasatan tertumpu kepada usaha mengenal pasti identiti sebenar pemilik akaun atau portal yang menyiarkan dakwaan berkenaan, selain meneliti kesahihan dokumen yang disertakan.

Katanya, selain itu, pihaknya juga perlu mengesahkan ketulenan dakwaan itu sebelum analisis dibuat bagi menentukan tindakan selanjutnya.

Abd Halim berkata, sekiranya siasatan awal mendapati laporan itu mempunyai asas, SPRM akan mengenal pasti sumber kewangan yang digunakan untuk membeli atau membiayai rumah mewah berkenaan.

Katanya, siasatan juga boleh dibuka mengikut Akta SPRM 2009 dan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 sekiranya terdapat unsur yang membolehkan tindakan diambil.

"Pada masa sama, kami akan menjalankan analisis kewangan bagi mengenal pasti sebarang kaitan aliran transaksi, pemilikan aset atau penerimaan dana yang mempunyai hubung kait dengan dana 1MDB.

"Jika siasatan menjurus kepada dana 1MDB, tindakan pemulihan aset akan dijalankan mengikut AMLA bagi mendapatkan semula aset berkenaan untuk dipulangkan kepada kerajaan," katanya.

Katanya, sesiapa sahaja akan dipanggil sekiranya ia mempunyai kaitan dan relevan dalam proses siasatan berhubung dakwaan itu.

Bagaimanapun katanya memandangkan siasatan masih berjalan, pihaknya tidak dapat mengulas lanjut berhubung perkara itu.

Sebelum ini media melaporkan, polis menjalankan siasatan berhubung dakwaan yang mengaitkan Datin Seri Rosmah Mansor dengan pembelian atau pembiayaan sebuah hartanah mewah di New Jersey, Amerika Syarikat (AS) yang didakwa bernilai RM55 juta (AS$12 juta).

HARIAN METRO

10.07.2026 (JUMAAT)

SPRM terima tiga maklumat dakwaan rasuah babit calon PRN Johor

Putrajaya: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan terhadap dakwaan kesalahan rasuah membabitkan seorang calon yang bertanding pada Pilihan Raya Negeri (PRN) Johor Ke-16.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, pihaknya menerima tiga maklumat berkaitan rasuah termasuk satu yang diperoleh daripada Penguat Kuasa Kempen Pilihan Raya yang hadir di Pejabat SPRM Cawangan Batu Pahat.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lanjut berhubung perkara itu bagi memastikan siasatan dijalankan secara bebas, sekali gus tidak menimbulkan sebarang persepsi bahawa badan berkenaan memihak kepada mana-mana pihak.

Katanya, pihaknya akan mengambil tindakan terhadap mana-mana pihak sekiranya terdapat unsur rasuah sepanjang tempoh pilihan raya tanpa mengira parti, calon, pengundi mahupun penyokong.

"Saya tidak mahu komen lebih-lebih kerana ini musim pilihan raya. Kita tidak mahu menjejaskan mana-mana pihak. Kita mahu kekal bebas supaya tidak dilihat menyebelahi mana-mana pihak.

"Kalau ada kesalahan rasuah dalam pilihan raya yang sedang berlangsung, tidak kira apa parti, calon, pengundi atau penyokong maka ia tetap kesalahan rasuah," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Katanya, semua maklumat yang diterima kini sedang dinilai dan disiasat mengikut peruntukan undang-undang berkuat kuasa serta beliau menegaskan tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang didapati melakukan kesalahan rasuah.

BERITA HARIAN

11.07.2026 (SABTU)

Kes rasuah dokumen imigresen

SPRM beku 14 akaun bank RM1.1 juta

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membeku 14 akaun bank bernilai kira-kira RM1.1 juta dalam siasatan terhadap kes rasuah dokumen imigresen di empat negeri, sejak Rabu lalu.

Pembekuan itu terdiri daripada lima akaun syarikat dan sembilan akaun perbankan milik beberapa individu.

Operasi bersepadu yang dijalankan Bahagian Perisikan bersama SPRM Putrajaya, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka itu turut menyita pelbagai aset berjumlah kira-kira RM1.4 juta.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman ketika dihubungi mengesahkan perkara itu dan berkata, siasatan lanjut masih berjalan.

Sementara itu, menurut sumber, sitaan yang dilakukan semalam ialah wang tunai RM393,150; mata wang Indonesia 18 juta rupiah (RM4,050); 10 unit kereta mewah dan tiga unit motosikal dianggarkan berjumlah kira-kira RM1.8 juta.

Turut disita ialah 14 kepingan emas seberat satu gram setiap satu, dianggarkan bernilai RM8,300, 80 unit pelbagai jenis barang kemas bernilai RM118,500 dan tiga unit jam tangan bernilai RM42,200.

"Satu unit beg tangan mewah bernilai kira-kira RM9,000 dan 17 unit telefon bimbit bernilai kira-kira RM48,000 juga disita.

"Penyitaan ini susulan siasatan ke atas 33 individu yang terdiri daripada pegawai penguat kuasa, penjawat awam, orang awam dan warga asing kerana disyaki melakukan pelbagai kesalahan mengikut Akta Imigresen 1959/63, membabitkan warga asing seperti tanpa dokumen perjalanan yang sah dan menyalahgunakan pas lawatan sosial untuk bekerja," katanya dalam kenyataan, di sini semalam.



Antara wang dan kenderaan yang disita SPRM kes rasuah dokumen imigresen di empat negeri, sejak Rabu lalu. (Foto SPRM)

Dalam perkembangan itu, *BH* difahamkan, sebanyak sembilan kertas siasatan dibuka dalam operasi itu, setakat semalam.

"Semalam (kelmarin) SPRM juga menahan seorang lagi penguat kuasa di Ibu Pejabat SPRM Putrajaya untuk membantu siasatan. Bagaimanapun, beliau dilepaskan dengan jaminan SPRM," katanya.

SPRM menyerbu beberapa lokasi di empat negeri sejak Rabu lalu dan menahan 33 individu, termasuk 10 penguat kuasa kerana disyaki terbabit dalam penyelewengan dokumentasi dan pas lawatan sosial.

Semua suspek yang terdiri daripada 25 lelaki dan sembilan wanita berusia lingkungan 20-an hingga 50-an itu ditahan kelmarin ketika memberi keterangan di beberapa pejabat SPRM.

BH dimaklumkan, 10 pegawai penguat kuasa itu dipercayai terbabit menerima rasuah sebagai balasan untuk tidak mengambil tindakan ke atas pekerja syarikat yang melakukan kesalahan mengikut Akta Imigresen.

HARIAN METRO

16.07.2026 (KHAMIS)

Guru praktikal nafi laku amang seksual

Ipoh: Seorang guru praktikal mengaku tidak bersalah dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini semalam atas enam pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja lelaki yang juga muridnya, minggu lalu.

Tertuduh, Muhammad Mifdzal Mohd Zalani Sham, 25, ***(gambar)*** minta dibicarakan atas semua enam pertuduhan itu yang dibacakan di hadapan Hakim, Ainul Shahrin Mohamad.

Mengikut pertuduhan, lelaki itu didakwa melakukan amang seksual fizikal bagi maksud seksual dengan melakukan enam perbuatan cabul berlainan ke atas kanak-kanak lelaki berumur 14 tahun tiga bulan yang mana tertuduh guru kepada mangsa.

Semua perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Kampung Chakadi, di sini antara jam 1 pagi hingga 7.26 pagi 5 Julai lalu.

Pertuduhan dibaca mengikut Seksyen 14 (a) dan Seksyen 14 (b) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 (Akta 792) yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dihukum dengan sebatan.



Pertuduhan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya, M Raveenaa manakala tertuduh diwakili peguam, Ameer Firdaus Mohd Amir.

Raveenaa menawarkan jaminan RM20,000 untuk setiap pertuduhan dengan seorang penjamin warga tempatan berserta syarat tambahan tertuduh dilarang mengganggu mangsa dan saksi pendakwaan serta perlu melapor diri sebulan sekali di balai polis.

Ameer Firdaus bagaimanapun memohon jaminan sekitar RM5,000 bagi tiga pertuduhan pertama dan RM5,000 lagi bagi tiga pertuduhan selanjutnya, antaranya atas sebab tertuduh yang juga anak kedua dari tiga beradik bukan dalam kategori berisiko tinggi untuk melarikan diri.

Ameer Firdaus berkata, anak guam yang juga penuntut universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kini selesai mengikuti latihan praktikal dan kini sedang menunggu panggilan temu duga untuk kemasukan ke perkhidmatan awam.

"Tertuduh kini menunggu keputusan peperiksaannya sahaja. Tertuduh merupakan guru praktikal dan sekarang menunggu panggilan temu duga.

"Beliau datang ke mahkamah hari ini bukan dengan tangan bergari kerana sudah dilepaskan dengan jaminan polis. Tertuduh yang berasal dari Pulau Pinang sedia beri kerjasama penuh kerana berhasrat membersihkan namanya untuk beliau teruskan karier sebagai penjawat awam," menurut Ameer Firdaus

Bagi kes pertama, mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM5,000 manakala RM5,000 lagi kes kedua dengan seorang penjamin, jadikan jumlah jaminan RM10,000 serta menetap 20 Ogos depan tarikh sebutan semuka kes bagi serahan dokumen.

HARIAN METRO

16.07.2026 (KHAMIS)



SEORANG ahli perniagaan bergelar Datuk dan pembantunya direman empat hari bagi membantu siasatan kes penipuan membabitkan pengeluaran surat palsu menggunakan Jata Diraja Tengku Mahkota Pahang.

Dokumen palsu guna jata Tengku Hassanal

Ahli perniagaan bergelar Datuk, pembantu direman empat hari

Oleh Fazli Ahmad
am@hmetro.com.my

Kuantan

Seorang ahli perniagaan bergelar Datuk dan pembantunya direman empat hari, bagi membantu siasatan kes penipuan membabitkan pengeluaran surat palsu menggunakan Jata Diraja Tengku Mahkota Pahang, Tengku Hassanal Ibrahim Alam Shah, untuk pengurusan tanah di sebuah daerah di negeri ini.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Ellyna Othamn, selepas polis mengemukakan permohonan di kamarnya di Mahkamah Majistret Kuantan, di sini, semalam.

Pemangku Ketua Polis Pahang, Datuk Azry Akmar Ayob, berkata Datuk dan pembantunya masing-masing berusia 45 tahun itu ditahan di sebuah rumah di Cyberjaya, Putrajaya, kira-kira jam 11 pagi kelmarin.

Menurutnya, mereka ditahan selepas Istana Pahang mengesan beberapa dokumen palsu menggunakan Jata Diraja dan kepala surat Unit Tengku Mahkota Pahang, 8 Julai lalu.

"Surat palsu itu turut tertera nama dan tandatangan seorang pegawai kanan Majlis Kesultanan Pahang (MKP) tanpa kebenaran.

"Dokumen itu dikesan selepas seorang ahli perniagaan menemui pegawai terbabit dan mengemukakan surat berkenaan untuk pengesahan.

"Ahli perniagaan terbabit mendakwa memperoleh dokumen berkenaan daripada seorang lelaki bergelar Datuk dan surat itu tawaran serta sokongan pelantikan kononnya dikeluarkan atas perkenan Tengku Mahkota Pahang," katanya ketika dihubungi.

Susulan itu Azri berkata, pegawai kanan MKP terbabit merujuk Tengku Hassanal dan diarahkan membuat laporan polis kerana penipuan itu membabitkan penyalahgunaan identiti rasmi Istana Pahang.

Menurutnya, polis sedang menyiasat motif pengeluaran surat palsu itu dan nilai kerugian membabitkan kes itu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 dan Seksyen 468 Kanun Keseksaan kerana menipu.

Sabit kesalahan boleh dipenjara hingga 10 tahun berserta sebatan dan denda.

HARIAN METRO

16.07.2026 (KHAMIS)

Isu rasuah terletak pada nilai peribadi dan pilihan individu

Georgetown: Isu rasuah dan integriti dalam kalangan anggota atau membabitkan pegawai penguat kuasa termasuk petugas di pintu sempadan negara akhirnya berbalik kepada nilai peribadi dan pilihan individu itu sendiri.

Ketua Pengarah Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) Datuk Seri Mohd Shuhaily Mohd Zain berkata, rasuah hanya boleh dihindari sekiranya anggota atau individu yang berkemungkinan terjebak sanggup melepaskan apa juga yang berada di luar kemampuan kewangan sebenar.

"Amaran ini saya rasa semua pun tahu, tengok, dengar dan sudah berapa kali saya cakap. Akhirnya, ia jatuh kepada individu itu sendiri. Sekiranya dia telah, orang panggil 'terbeli' dengan cara hidup mewah, untuk dia bertukar kepada satu cara hidup yang sepatutnya itu, memakan masa.

"Kalau dia ingin berubah, tak boleh ubah satu hari, sebab apa? Pinjaman rumah, kereta nak kena bayar, macam-macam pinjaman nak bayar. Jadi melainkan dia sanggup melepaskan apa jua pemilikan di luar daripada kemampuan untuk kembali hidup seperti mana sepatutnya," katanya ketika diminta mengulas isu integriti membabitkan pegawai bertugas di pintu masuk negara selepas menyampaikan ucap tama pada Persidangan Ke-17 Persatuan Kriminologi Asia (ACS) Sorotan Kontemporari Trend dan Corak Jenayah: Impak Kriminologi di sini, semalam.

Dalam pada itu, beliau turut menjelaskan kekeliruan orang ramai berhubung dakwaan membabitkan pegawai kastam yang dikaitkan dengan kes meminta wang berjumlah RM100 di pintu masuk negara.

Menurutnya, sejak 1 Julai lalu, AKPS mengambil alih secara rasmi operasi di pintu masuk utama termasuk di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur KLIA, namun operasi itu masih dibantu pegawai daripada enam agensi teras yang belum menyertai skim perkhidmatan AKPS.

"Justeru timbul kekeliruan sama ada individu terbabit ialah pegawai kastam atau pegawai AKPS. Ada pegawai agensi teras yang masih membantu AKPS dan ada juga bekas pegawai agensi teras yang telah menandatangani skim perkhidmatan AKPS, maka secara sah mereka ialah pegawai AKPS," katanya.

SINAR HARIAN

17.07.2026 (JUMAAT)

Rasuah RM1,000 masuk akaun bank isteri, koperal polis dijel 4 bulan

KUANTAN – Seorang anggota polis trafik berpangkat koperal dipenjara empat bulan oleh Mahkamah Sesyen Kuantan pada Khamis selepas didapati bersalah atas empat pertuduhan pilihan menerima wang berjumlah RM1,000.

Hukuman itu dijatuhkan Hakim Sazlina Safie terhadap Ahmad Amin Khairul Komar, 42, selepas mendapati kesemua elemen kesalahan di bawah Seksyen 165 Kanun Keseksaan berjaya dibuktikan.

Sazlina ketika membuat keputusan itu memaklumkan kesemua hukuman penjara yang perlu dijalani tertuduh berjalan secara serentak bermula tarikh sabitan pada Khamis.

Mengikut pertuduhan, Ahmad Amin didakwa menerima wang berjumlah RM1,000 menerusi empat transaksi pindahan wang secara dalam talian ke akaun isterinya daripada seorang individu yang mempunyai urusan rasmi dengannya.

Perbuatan itu didakwa dilakukan antara 3 Oktober 2017 hingga 2 Mac 2018 ketika tertuduh bertugas di Bahagian Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Pekan.

BERITA HARIAN

21.07.2026 (SELASA)

SPRM siasat pematuhan prosedur, tatakelola KWAP

Dua aspek antara skop siasatan selain unsur jenayah, rasuah dalam pelaburan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
ilahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pematuhan prosedur dan tatakelola ketika Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) membuat keputusan melabur dalam syarikat eFishery, Indonesia turut disiasat pasukan khas yang ditubuhkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Dua aspek itu antara skop siasatan yang sudah dimulakan SPRM, selain unsur jenayah atau rasuah dalam pelaburan berkenaan yang menyebabkan KWAP dilaporkan kerugian kira-kira RM163 juta akibat manipulasi laporan kewangan oleh pengurusan kanan syarikat terbabit.

BH difahamkan, fokus siasatan SPRM ketika ini adalah berkaitan aspek tatakelola untuk mengenal pasti sama ada wujud sebarang kelemahan dalam sistem, ketidakpatuhan terhadap prosedur atau kegagalan mematuhi proses yang ditetapkan sepanjang pelaksanaan pelaburan itu.

Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mohd Hafaz Nazar, mengesahkan pelbagai aspek siasatan dilaksanakan dalam siasatan suruhanjaya itu terhadap pelaburan KWAP berkenaan.

"Siasatan itu sudah bermula dan pasukan siasatan akan melaksanakan tindakan seterusnya termasuk penyiasatan berkaitan tatakelola (perjanjian pelaburan dengan eFishery)," katanya kepada *BH*, di sini semalam.

Dalam perkembangan itu, *BH* dimaklumkan, penyiasatan tatakelola berlangsung terhadap pelaburan KWAP itu dibuat mengikut Seksyen 7(c), (d) dan (e) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (ASPRM 2009).

Syor perbaiki kelemahan

Ia juga bertujuan menutup ruang dan peluang perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan serta meningkatkan amalan tadbir urus yang baik.

Apabila penyiasatan berkenaan selesai, SPRM kemudian akan mencadangkan penambahbaikan termasuk syor tertentu bagi memperbaiki kelemahan dan kekurangan dalam amalan, sistem dan tatacara yang diamalkan oleh KWAP sebelum ini.

Kelmarin, *BH* melaporkan SPRM menubuhkan pasukan siasatan bagi meneliti isu kerugian RM163 juta pelaburan KWAP dalam syarikat eFishery itu.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman, berkata pihaknya sudah memulakan siasatan kes itu secara menyeluruh bermula semalam.

Beliau berkata, siasatan akan dilaksanakan dengan adil, telus dan saksama berlandaskan peruntukan undang-undang sedia ada.

Terdahulu, Kementerian Kewangan (MOF) dalam jawapan bertulis di Parlimen, mengesahkan pelaburan KWAP dalam eFishery adalah menjadi mangsa penipuan terancang susulan terdapat manipulasi laporan kewangan oleh pengurusan syarikat itu.

KWAP diperdaya untuk melabur dalam eFishery



Keratan akhbar BH 17 Julai lalu.

BERITA HARIAN

21.07.2026 (SELASA)

'Kerajaan tak campur tangan urusan pelaburan'

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan pimpinannya tidak pernah campur tangan dalam sebarang urusan serta keputusan berkaitan pelaburan yang dibuat Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP), sebaliknya langkah itu ditentukan panel pelaburan profesional yang dilantik.

Perdana Menteri berkata, panel pelaburan itu dipertanggungjawabkan untuk melindungi dan menambah nilai dana pasaran persaraan melalui strategi pelaburan dengan mengambil tindakan untuk mengurangkan risiko dan menjamin pulangan yang adil.

Beliau menegaskan, berikutan itu setiap keputusan pelaburan dibuat oleh agensi terbabit diteliti melalui projek *due diligence* atau usaha wajar, selain kajian terperinci oleh panel pelaburan yang mewakili kepentingan kerajaan dan swasta.

"(Panel pelaburan ini) terdiri daripada golongan profesional terpilih. Selalunya keputusan itu dibuat dan dibentangkan kepada lembaga dan tidak memerlukan kelulusan Kementerian Kewangan (MOF).

"Keseluruhannya, itu (anggota panel dilantik dan lembaga) daripada latar belakang profesional. Kalau dalam lembaga, tentunya ada wakil daripada kementerian, itu biasa tetapi kalau pandang pelaburan, itu *strictly* profesional.

"Sebab itu, sejak saya di MOF, laluan penuh, tidak ada campur tangan kerajaan atau pun tidak ada keperluan membawa cadangan pelaburan untuk pertimbangan kerajaan atau Menteri Kewangan," katanya.

Beliau berkata demikian menjawab soalan tambahan Senator Mohd Hasbie Muda yang bertanyakan berkenaan isu kerugian dana pelaburan KWAP dalam syarikat eFishery, Indonesia pada sesi jawab lisan di Dewan Negara, semalam.



Anwar pada sesi soal jawab lisan di Dewan Negara, semalam. (Foto BERNAMA)

Anwar menegaskan, oleh kerana pelaburan KWAP menyentuh kepentingan awam, maka kerajaan tidak boleh melindungi apa yang berlaku ke atas dana itu.

"Pelaburan (KWAP dalam eFishery) sekitar RM160 juta saya pilih untuk umumkan kerana wang ini dana persaraan. RM160 juta itu dilabur dalam syarikat teknologi akuakultur Indonesia, e-Fishery, tetapi ternyata sekarang, ada penipuan terancang.

"Soalannya, mengapa tidak diteliti? jawabnya tentunya daripada panel pelaburan (sudah) teliti. Kerana dana dilabur itu walaupun (jumlahnya) besar tapi (masih) kecil ketimbang dilakukan syarikat antarabangsa terkenal lain yang (jumlahnya) lebih besar. Penipuan ini (yang dialami KWAP) penipuan sangat canggih," katanya.

Anwar berkata, bukan saja dana pelaburan dari Eropah seperti Aqua Spark terjejas, malah ramai lagi, termasuk 42X Fund dari Abu Dhabi, Temasek dari Singapura serta pengurus dana terkenal dunia, SoftBank.

"Itu semua pelaburan yang jauh lebih tinggi dari KWAP. Mereka semua terpedaya dan orang dipertanggungjawabkan itu sudah pun dipenjara, tetapi saya ingin sebut, apa kesannya kepada panel pelaburan dan juga KWAP. Kita harus menilai, melihat keseluruhannya," katanya.

Dalam pada itu, beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata walaupun kerugian RM160 juta akibat manipulasi pelaburan dalam eFishery, namun KWAP masih meraih keuntungan bersih memberangsangkan iaitu berjumlah RM12.9 bilion iaitu meningkat sebanyak 9.3 peratus.

Perdana Menteri berkata, KWAP tidak hanya melabur dalam syarikat asing, sebaliknya turut melabur dalam syarikat pemula dalam negara yang membabitkan jumlah dana tinggi.

"Selain projek yang kita jana melalui usaha MOF iaitu GE-AR-uP, juga membabitkan KWAP, dengan kos RM30 bilion dana, termasuk syarikat Bumiputera.

"Saya mohon semua melihat keseluruhannya kerana keuntungan dan pertumbuhan yang disebut pertumbuhan tahunan melebihi 8.5 peratus," katanya.

Sokong tindakan SPRM

Dalam perkembangan berkaitan juga, Anwar menyokong penuh tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memulakan siasatan terhadap penipuan terancang dialami KWAP dalam eFishery itu kerana prosedur kelulusan berkait pelaburan perlu diteliti.

"Tentunya siasatan harus dilakukan. Sebab itu saya menyokong langkah SPRM untuk meneliti sekiranya ada keterlanjuran atau percanggahan dari segi hukum atau pun unsur rasuah.

"SPRM harus juga melihat proses pelaburan serta keputusan dibuat oleh panel pelaburan dan akhirnya yang dipersetujui oleh lembaga (KWAP)," katanya menjawab soalan Senator Dr Hajah Wan Martina Wan Yusoff di Dewan Negara semalam.

Anwar berkata, jika melihat kepada proses kelulusan dana pelaburan ke atas syarikat berkenaan sebelum ini, ia seolah-olah menyaksikan kejadian luar biasa.

"Dua audit bertauliah luluskan, yang ketiga pun luluskan, tak sempat disahkan. Ini tiga syarikat audit terbesar dunia meluluskan. Jadi, saya kaji ini... wah... ini memang 'kepakaran' luar biasa dari Jakarta ini, tetapi dalam penipuan, malangnya.

"Tapi ini pengajaran juga, bahawa walaupun disahkan oleh syarikat audit terkenal dunia, ia tidak menjamin. Kalau kita ambil pengalaman 1MDB (1Malaysia Development Berhad), itu ada pembabitan Goldman Sachs, syarikat kewangan dan audit terkenal dunia, tapi terbabit *complicit* dalam usaha penipuan ini.

"Ini pengajaran, peringatan kepada kita. Tak bergantung pada syarikat audit, sukar untuk dapat kelulusan. Kalau bergantung sepenuhnya, kita lihat ada juga risiko," katanya.

Anwar berkata, dengan kes penipuan sedemikian, panel pelaburan bagi mana-mana agensi pelaburan, termasuk KWAP semakin tercabar, untuk tidak hanya bergantung kepakaran audit saja, sebaliknya melihat juga dari segi nilai peraturan yang ada.

"Sebab itu kalau dalam MADANI kita sebut, kepintaran, kepakaran, *new technology*, mengapai di langit, itu perlu tetapi mesti berakar ke bumi dengan nilai dan akhlak," katanya.

Sementara itu, kes penipuan syarikat teknologi akuakultur Indonesia, eFishery tidak memberi kesan besar terhadap kewangan KWAP dan kemampuan membantu kerajaan menanggung kos pencen penjawat awam.

Penasihat Kanan Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, berkata keseluruhan dana KWAP pada 2025 adalah RM 195 bilion.

Katanya, pada 2024 iaitu tahun terakhir KWAP diaudit dan ia menjana pendapatan pelaburan sebanyak RM18 bilion.

"Keseluruhan pelaburan eFishery kurang satu peratus daripada pendapatan pelaburan KWAP pada 2024, manakala pada 2025, keseluruhan pelaburan eFishery kurang 0.1 peratus daripada keseluruhan dana," katanya menerusi hantaran video di laman Facebook miliknya.

SINAR HARIAN

21.07.2026 (SELASA)

Ketua balai direman seminggu kes rasuah RM500

FOTO: BERNAMA



Seorang ketua balai polis direman tujuh hari bagi membantu siasatan kes rasuah RM500.

KOTA BHARU - Seorang ketua balai polis direman tujuh hari oleh Mahkamah Majistret di sini pada Isnin bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menerima rasuah RM500 sebagai balasan tidak mengambil tindakan terhadap seorang warga asing.

Perintah reman hingga 26 Julai terhadap suspek berusia 41 tahun itu dikeluarkan Majistret Amirul Asyraf Abdul Rashid mengikut Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah selepas menerima permohonan pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Suspek dipercayai menerima wang rasuah berjumlah RM500 daripada seorang warga asing yang merupakan pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) sebagai balasan tidak mengambil tindakan terhadap individu berkenaan.

Pengarah SPRM Kelantan, Azmin Yusoff ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek pada jam 2.20 petang Ahad.

Terdahulu, suspek yang memakai pakaian lokap jingga SPRM tiba di Kompleks Mahkamah Kota Bharu kira-kira 9 pagi dengan diiringi dua pegawai SPRM. - *Bernama*

SINAR HARIAN

21.07.2026 (SELASA)

Pegawai imigresen didakwa terima suapan lindungi pekerja asing

MELAKA – Seorang pegawai imigresen mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini pada Isnin atas tujuh pertuduhan menerima suapan setiap bulan bagi melindungi seorang pekerja asing yang tidak memiliki dokumen sah antara Januari hingga Julai tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Nazrul Md Yasin, 39, membuat pengakuan itu selepas semua pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohamad Kamil Nizam.

Berdasarkan pertuduhan, Mohd Nazrul yang merupakan Pegawai Imigresen Negeri Melaka didakwa menerima wang suapan daripada Muhammad Omar, 69, bagi mengelakkan tindakan undang-undang diambil terhadap anaknya, Nurul Alya Muhammad, 23, kerana melindungi seorang pekerja warga Indonesia yang tidak memiliki dokumen pengenalan diri.

Bagi lima pertuduhan pertama, tertuduh didakwa menerima wang tunai RM300 setiap bulan di sebuah restoran di Merlimau, Jasin, bagi tempoh 1 Januari hingga 31 Mei 2025.

Bagi pertuduhan keenam dan ketujuh pula, tertuduh didakwa menerima jumlah sama pada 3 Jun dan RM150 pada 10 Julai 2025 yang dipindahkan secara dalam talian.



Tertuduh (tengah) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh, Melaka terhadap semua pertuduhan dibacakan ke atasnya.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Sharina Farhana Nor Sa'ari memaklumkan kesalahan di bawah seksyen berkenaan merupakan kesalahan serius dan tidak boleh dijamin, namun tertakluk kepada budi bicara mahkamah.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin, selain mengarahkan pasport diserahkan kepada mahkamah dan perlu melaporkan diri di pejabat SPRM setiap bulan.

Tarikh 26 Ogos depan ditetapkan sebagai sebutan semula kes.

HARIAN METRO

21.07.2026 (SELASA)

PEGAWAI IMIGRESEN DIDAKWA TERIMA DUIT BULANAN

Rasuah lindungi pekerja tanpa izin

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
am@hmetro.com.my

Melaka

Seorang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Melaka didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini, semalam atas tujuh pertuduhan menerima rasuah secara bulanan daripada pengusaha restoran berjumlah keseluruhan RM1,950 bagi melindungi pekerja asing tanpa permit, antara Januari hingga Julai tahun lalu.

Tertuduh, Mohd Nazrul Md Yasin, 39, bagaimanapun mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan sejurus pertuduhan dibacakan di hadapan Hakim Mohamad Kamil Nizam.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketujuh, tertuduh menerima suatu suapan wang tunai berjumlah antara RM300 hingga RM150 daripada seorang lelaki pengusaha restoran berusia 69 tahun.

Ia sebagai dorongan untuk tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas seorang wanita 23 yang juga anak warga emas itu selaku pemilik restoran kerana melindungi pekerja warga asing Indonesia, Kusmiyati yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri di dalam premis yang menjadi kesalahan mengikut Akta Imigresen 1957/63.



MOHD Nazrul didakwa di Mahkamah Sesyen Ayer Keroh. - Gambar NSTP/MEOR RIDUWAN MEOR AHMAD

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di Restoran Nurul Jalan Muar, Merlimau, Jasin pada tarikh dan masa berbeza antara 1 Januari 2025 hingga 10 Julai 2025, jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi bagi setiap pertuduhan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Sharina Farhana Nor Sa'ari menghujahkan kesalahan dilakukan tertuduh adalah berat dan tidak boleh dijamin.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun merayu jaminan minimum diberikan atas alasan hanya menyediakan wang jaminan RM5,000, hasil wang dipinjam dan kini digantung kerja.

Katanya, dia penanggung tunggal keluarga dan perlu menjaga ibu serta empat anak masih bersekolah.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM12,000 dengan seorang penjamin warga tempatan berserta syarat-syarat tambahan dipohon pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 26 Ogos depan untuk lantikan peguam.

BERITA HARIAN

21.07.2026 (SELASA)



Pegawai imigresen mengaku tidak bersalah terima suapan

Melaka: Seorang pegawai imigresen dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Ayer Keroh di sini semalam, atas tujuh pertuduhan menerima rasuah bulanan daripada pengusaha restoran bagi melindungi pekerja asing tanpa permit.

Tertuduh, Mohd Nazrul Md Yasin, 39, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan sejurus semua pertuduhan dikemukakan terhadapnya di hadapan Hakim, Mohamad Kamil Nizam.

Mengikut pertuduhan pertama hingga ketujuh, tertuduh sebagai Pegawai Imigresen Negeri Melaka, didakwa menerima suapan wang tunai berjumlah di antara RM150 hingga RM300 daripada seorang lelaki pengusaha restoran berusia 69 tahun.

Ia sebagai dorongan tidak mengambil tindakan undang-undang ke atas seorang wanita berusia 23 tahun yang juga anak warga emas itu selaku pemilik restoran, kerana melindungi pekerja warga asing Indonesia yang tidak mempunyai dokumen pengenalan diri yang menjadi kesalahan mengikut Akta Imigresen 1957/63.

Semua kesalahan itu didakwa dilakukan di Restoran Nurul dekat Jalan Muar, Merlimau, pada tarikh dan masa berbeza kira-kira jam 11.30 pagi hingga 2.30 petang di antara 1 Januari 2025 hingga 10 Julai 2025.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 16(a)(B) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Sabit kesalahan, tertuduh boleh dipenjara sehingga maksimum 20 tahun dan denda minimum lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000, mengikut mana-mana lebih tinggi bagi setiap pertuduhan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM, Sharina Farhana Nor Sa'ari, menghujahkan kesalahan tertuduh adalah berat dan tidak boleh dijamin, namun sekiranya mahkamah ingin menggunakan budi bicara, pihaknya mencadangkan jaminan RM20,000 bagi semua pertuduhan yang disifatkan munasabah bagi menjamin kehadiran tertuduh di mahkamah.

Pihak pendakwaan turut memohon syarat tambahan dikenakan terhadap tertuduh iaitu pasport antarabangsa diserahkan kepada mahkamah, wajib melapor diri sebulan sekali di pejabat SPRM dan dilarang mengganggu saksi pendakwaan sehingga kes selesai.

Mahkamah kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM12,000 dengan seorang penjamin warga tempatan berserta syarat tambahan dimohon pendakwaan.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 26 Ogos depan untuk lantikan peguam.

HARIAN METRO

21.07.2026 (SELASA)



SEORANG ketua balai polis direman bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menerima rasuah. - Gambar NSTP/WANNA ABDUL RAHIM

Ketua balai direman 7 hari kes terima RM500

Kota Bharu: Seorang ketua balai polis direman selama tujuh hari di Mahkamah Majistret di sini, semalam bagi membantu siasatan berhubung dakwaan menerima rasuah hampir RM500.

Perintah reman terhadap anggota polis berusia 41 tahun itu dikeluarkan Majistret Amirul Asyraf Abdul Rashid.

Perintah reman sehingga 26 Julai itu diperoleh mengikut Seksyen 117 Kanun Tatacara Jenayah.

Terdahulu, suspek yang memakai pakaian lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) tiba di Kompleks Mahkamah Kota Bharu pada jam 9.05 pagi dengan diiringi dua pegawai SPRM.

Pengarah SPRM Kelantan, Azmin Yusuff berkata, suspek ditahan pada jam 2.20 petang kelmarin dan siasatan dijalankan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

Balasan tak ambil tindakan terhadap seorang warga asing pemegang kad UNHCR

Suspek dipercayai menerima rasuah beberapa ratus ringgit sebagai balasan tidak mengambil tindakan terhadap seorang warga asing pemegang kad Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) yang menjalankan perniagaan besi buruk.

Rasuah yang dipercayai diterima itu berjumlah hampir RM500.

Jika sabit kesalahan mengikut Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009, pesalah boleh dipenjara sehingga 20 tahun dan didenda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana yang lebih tinggi.

HARIAN METRO

27.07.2026 (ISNIN)



12 PEGAWAI, ANGGOTA POLIS DITAHAN H/Metro – 27/7/2026

Peras ugut warga Vanuatu RM2 juta

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
mhafis@mediaprima.com.my

Kuala Lumpur

Dua belas pegawai dan anggota polis termasuk berpangkat Deputi Superintendan (DSP) dan Asisten Superintendan (ASP) ditahan selepas disyaki memeras ugut seorang lelaki warga Vanuatu sebanyak RM2 juta, kelmarin.

Menurut sumber, kesemua mereka itu ditahan susulan laporan yang dibuat mangsa di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

Difahamkan, kumpulan pegawai dan anggota polis terbabit dipercayai memeras ugut warga asing itu dengan menuntut RM2 juta.

"Bagaimanapun, mangsa hanya sempat membayar 140,000 dolar Amerika Syarikat (RM560,000) sebelum mengambil keputusan membuat laporan polis.

"Polis turut menemui semula sebahagian daripada wang yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes itu," katanya.

Mangsa berusia 29 tahun tampil membuat laporan polis Jumaat lalu selepas mendakwa kerugian RM560,000 selepas dipercayai menjadi mangsa pemerasan ketika berada di sebuah residensi di Jalan Ampang di sini, Khamis lalu.

Ketika kejadian, mangsa yang berada di kediaman terbabit bersama rakannya didakwa didatangi pengawal keselamatan bersama 12 individu yang memperkenalkan diri mereka sebagai polis.

"Mangsa kemudiannya dibawa keluar dan semasa di dalam kereta, dia mendakwa diugut supaya membayar sebanyak RM2 juta jika mahu dilepaskan.

"Mangsa kemudian membuat pembayaran itu sebelum dilepaskan," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi Asisten Komisioner Sazalee Adam ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek untuk siasatan lanjut.

BERITA HARIAN

27.07.2026 (ISNIN)



12 polis kena tahan peras ugut warga Vanuatu RM2j

Mangsa buat laporan selepas dibebas dengan membayar RM560,000

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Polis menahan seramai 12 pegawai polis pelbagai pangkat selepas dipercayai memeras ugut lelaki warga Vanuatu sebanyak RM2 juta.

Menurut sumber, mangsa hanya dilepaskan selepas membayar AS$140,000 (RM560,000).

"Dia kemudian tampil membuat laporan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Dang Wangi.

"Susulan itu difahamkan seramai 12 orang pegawai dan anggota polis ditahan di mana ada antaranya berpangkat Deputi Superintendan (DSP), Asisten Superintendan (ASP) dan lain-lain pangkat," katanya.

Tuntut semula wang dibayar

Difahamkan, kumpulan anggota polis terbabit dipercayai memeras ugut mangsa dengan menuntut RM2 juta.

"Mangsa bagaimanapun hanya sempat membayar RM560,000 sebelum mengambil keputusan membuat laporan polis. Polis turut menemui semula sebahagian daripada wang yang dipercayai mempunyai kaitan dengan kes itu," katanya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Dang Wangi, Asisten Komisioner Sazalee Adam ketika dihubungi mengesahkan penahanan suspek.

HARIAN METRO

28.07.2026 (SELASA)



PENJAWAT AWAM DIDAKWA

Kena lima pertuduhan terima rasuah

Kuala Terengganu: Seorang penjawat awam mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas lima pertuduhan menerima rasuah berjumlah RM12,200.

Bagi semua pertuduhan, Yusri Yunus ***(gambar)***, 51, yang ketika kejadian merupakan penolong jurutera di Majlis Perbandaran Kemaman dituduh menerima suapan wang tunai RM5,000 daripada seorang pengarah syarikat, dan RM7,200 daripada seorang lelaki yang mempunyai hubungan dengan tugas rasmi tertuduh, dan wang itu dipindahkan ke akaun bank miliknya.

Dia didakwa melakukan perbuatan itu di daerah Kemaman pada 3 Mac 2015 dan antara 27 Jan 2015 hingga 12 Mei 2016.

Pertuduhan mengikut Seksyen 165 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman maksimum penjara dua tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya SPRM Nur Amalina Najwa Mohd Ali menawarkan jaminan RM20,000 dengan syarat tambahan, iaitu melapor diri sekali sebulan di pejabat SPRM, tidak menggangu mana-mana saksi pendakwaan dan pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah.

Peguam Ahmad Nur Faid Afiq Aziz yang mewakili Yusri memohon jaminan dikurangkan kerana anak guamnya menyara ibu, isteri serta tiga anak yang masih melanjutkan pengajian selain mengalami masalah kesihatan termasuk kencing manis dan darah tinggi.

Hakim Azman Mustapha membenarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin serta membenarkan syarat tambahan yang dimohon pihak pendakwaan dan menetapkan 17 Ogos untuk sebutan semula kes.

SINAR HARIAN
29.07.2026 (RABU)

eFishery: SPRM dapatkan dokumen luar negara



MELAKA - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) sedang berhubung dengan Jabatan Peguam Negara bagi proses Bantuan Perundangan Bersama (MLA) siasatan pelaburan eFishery di Indonesia.

Ketua Pesuruhjayanya, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, proses MLA itu penting bagi mendapatkan dokumen berkaitan pelaburan yang berada di luar negara selain merakam keterangan saksi-saksi yang terlibat dalam siasatan.

Menurutnya, setakat ini pihaknya hanya meneliti dokumen yang diperoleh daripada Kumpulan Wang Persaraan Diperbadankan (KWAP) dan Kementerian Kewangan (MoF), namun percaya terdapat dokumen penting lain yang perlu diperoleh daripada negara terbabit.

"Selain mendapatkan dokumen, kita juga perlu merakam keterangan saksi-saksi di negara berkenaan.

"Tiga negara yang menjadi fokus bagi proses MLA ialah Dubai, Singapura dan Indonesia," katanya dalam sidang akhbar selepas Mesyuarat Jawatankuasa Sekretariat ASEAN-PAC Ke-22 di Banda Hilir di sini pada Selasa.


ABD HALIM

Abd Halim berkata, proses MLA dijangka mengambil masa lebih panjang kerana melibatkan bidang kuasa berbeza serta memerlukan kerjasama daripada pihak berkuasa negara-negara yang terlibat.

Beliau berkata, siasatan terhadap pelaburan KWAP itu bermula secara rasmi pada 17 Julai lalu sebelum dilaksanakan secara fizikal pada 20 Julai dan berjalan lancar setakat ini.

Katanya, SPRM telah merakam keterangan 20 saksi terdiri daripada pegawai KWAP, pegawai MoF, ahli Jawatankuasa Pelaburan KWAP serta ahli panel pelaburan.

Dalam pada itu, beliau berkata, SPRM turut mengutus surat kepada Bank Negara Malaysia bagi mendapatkan kerjasama berhubung dua perkara penting dalam siasatan.

"Pertama, mendapatkan maklumat kewangan melalui rangkaian kerjasama antara-bangsa bagi mengesan kedudukan kewangan tiga syarikat di luar negara iaitu sebuah di Singapura dan dua di Indonesia.

"Kedua, menjalankan semakan terhadap Laporan Transaksi Tunai (CTR) dan Laporan Transaksi Mencurigakan (STR) bagi mengenal pasti aliran kewangan pihak-pihak yang berkaitan dalam siasatan ini," tambahnya.

Terdahulu, media melaporkan SPRM telah merakam keterangan beberapa individu dan pihak bagi membantu siasatan berhubung pelaburan RM163 juta dalam syarikat teknologi akuakultur Indonesia, eFishery.

HARIAN METRO

29.07.2026 (RABU)

SIASATAN BERHUBUNG PELABURAN KWAP

SPRM mohon kerjasama pihak berkuasa di Dubai, Singapura dan Indonesia

Melaka: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) akan mendapatkan kerjasama pihak berkuasa di Dubai, Singapura dan Indonesia mererusi proses Bantuan Perundangan Bersama (MLA) bagi memperkukuh siasatan berhubung pelaburan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP).



> "Kami harap kerjasama baik daripada pihak berkuasa negara terbabit"
> Abd Halim

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman berkata, langkah itu diambil bagi membolehkan pihaknya memperoleh dokumen penting berkaitan pelaburan yang kini berada di negara berkenaan.

Beliau berkata, selain mendapatkan dokumen, SPRM juga perlu merakam keterangan beberapa saksi yang berada di negara terbabit bagi melengkapkan siasatan.

"Kita akan berhubung dengan pihak Jabatan Peguam Negara bagi mendapatkan kerjasama bagi proses MLA itu diteruskan," katanya pada sidang media selepas menyampaikan ucaptama pada Mesyuarat Ke-22 Sekretariat ASEAN Parties Against Corruption (ASEAN-PAC) di sini, semalam.

Minggu lalu, Abd Halim dilapor mengesahkan SPRM akan melakukan kerjasama antarabangsa untuk mendapatkan saksi yang terbabit dalam pelaburan bernilai RM163 juta oleh KWAP.

Beliau dilaporkan berkata, buat masa ini pihaknya sudah mengenal pasti individu berkenaan untuk membantu siasatan.

Sementara itu, Abd Halim berkata, SPRM sudah mengutus surat kepada Bank Negara Malaysia (BNM) bagi mendapatkan kerjasama dalam dua aspek utama bagi membantu siasatan pelaburan KWAP.

Beliau berkata, kerjasama pertama membabitkan permohonan mendapatkan bantuan pihak berkuasa kewangan asing bagi mengesan kedudukan kewangan tiga syarikat yang berpangkalan di luar negara, masing-masing satu di Singapura dan dua di Indonesia.

"Kami mengharapkan kerjasama yang baik daripada pihak berkuasa negara terbabit bagi memudahkan proses pengesanan aset dan aliran kewangan yang sedang disiasat," katanya.

Selain itu, beliau berkata, SPRM turut memohon kerjasama BNM untuk mendapatkan maklumat merusi Laporan Transaksi Tunai (CTR) dan Laporan Transaksi Mencurigakan (STR) bagi mengenal pasti aliran serta kedudukan kewangan individu dan entiti yang berkaitan dengan siasatan berkenaan.

HARIAN METRO

30.07.2026 (KHAMIS)



Bekas petugas MPS nafi rasuah urusan lesen niaga

Kuala Lumpur: Seorang bekas petugas Majlis Perbandaran Selayang (MPS) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, semalam, atas pertuduhan menerima suapan berhubung urusan permohonan lesen perniagaan di MPS, lima tahun lalu.

Muhammad Darwisy Abdullah, 32, yang semasa itu bertugas sebagai Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran di MPS didakwa memperoleh sebanyak RM1,000 daripada seorang lelaki melalui akaun banknya sebagai dorongan memudahkan urusan permohonan lesen perniagaan sebuah restoran.

Perbuatan itu didakwa dilakukan di Maybank Islamic Bhd Jalan Maarof, di sini, pada 12 Mac 2021 dan pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009 yang boleh dihukum di bawah Seksyen 24(1) akta sama.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara maksimum selama 20 tahun dan denda lima kali nilai suapan atau RM10,000 yang mana lebih tinggi, jika sabit kesalahan.

Di samping itu, Timbalan Pendakwa Raya SPRM Muhammad Arif Asyraf Mohd Khairi menawarkan jaminan RM10,000 dengan seorang penjamin, berserta syarat tambahan pasport diserahkan kepada mahkamah, melaporkan diri ke pejabat SPRM setiap bulan dan tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Peguam Zolazrai Zolkapli bagaimanapun merayu jaminan lebih rendah atas alasan anak guamnya kali pertama dihadapkan ke mahkamah serta menanggung ibu bapa dan tiga anak.

HARIAN METRO

31.07.2026 (JUMAAT)

12 direman bantu siasatan kes godam MyIMMs

Kuala Lumpur: Seramai 12 individu, termasuk enam pegawai Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen), direman bagi membantu siasatan berhubung kegiatan penggodaman Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) bagi kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) secara tidak sah.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah di Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam, selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Susulan itu, lima suspek direman tiga hari manakala tujuh lagi suspek direman dua hari.

Selain empat pegawai imigresen dan dua pegawai Bahagian Teknologi Maklumat jabatan itu, turut direman dua pengarah syarikat, tiga warga asing serta seorang pegawai polis yang kesemuanya berusia 30 hingga 40-an.

Kesemua suspek ditahan secara berasingan antara jam 2 hingga 5 petang kelmarin di Ibu Pejabat SPRM dan Pejabat Imigresen Pulau Pinang melalui operasi bersepadu dijalankan bersama Jabatan Imigresen sejak Mei lalu.



SERAMAI 12 suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya berhubung kegiatan penggodaman Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) bagi kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) secara tidak sah.

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman dalam satu kenyataan kelmarin berkata, hasil siasatan awal mendapati bahawa sindiket berkenaan disyaki meluluskan 1,306 PLKS palsu menggunakan kuota 2011 tanpa sebarang bayaran levi pas, sekali gus menyebabkan kerajaan kerugian anggaran RM2.4 juta.

"Hasil siasatan awal juga mendapati sindiket terbabit disyaki membayar wang rasuah antara RM1,000 hingga RM6,000 bagi setiap permohonan PLKS kepada pegawai imigresen berkenaan sebagai balasan meluluskan permohonan tanpa mengikut prosedur ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, operasi di sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang itu turut dibantu CyberSecurity Malaysia (CSM), Telekom Malaysia dan Bahagian Forensik Teknologi (BFT) SPRM dengan operasi menggeledah dijalankan di premis syarikat serta pejabat imigresen di Pulau Pinang dan Putrajaya.

Dalam operasi itu, SPRM menyita harta alih antaranya wang tunai RM186,360, SGD700, barangan kemas bernilai RM15,700 dan pelbagai peranti elektronik termasuk telefon bimbit serta komputer riba yang dianggarkan bernilai RM36,000.

Di samping itu, Abd Halim berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 16(a) dan Seksyen 17(a) Akta SPRM 2009.

BERITA HARIAN
31.07.2026 (JUMAAT)

12 direman kes godam MyIMMs

6 pegawai Imigresen antara ditahan bantu siasatan kelulusan PLKS tak sah

Kuala Lumpur: Seramai 12 individu, termasuk enam pegawai Jabatan Imigresen direman bagi membantu siasatan berhubung kegiatan penggodaman Sistem Imigresen Malaysia (MyIMMs) bagi kelulusan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) secara tidak sah.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Ezrene Zakariah di Mahkamah Majistret Putrajaya kelmarin selepas membenarkan permohonan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Susulan keputusan itu, lima suspek direman tiga hari bermula kelmarin, manakala tujuh lagi suspek direman dua hari.

Selain empat pegawai imigresen dan dua pegawai Bahagian Teknologi Maklumat jabatan itu, turut direman ialah dua pengarah syarikat, tiga warga asing serta seorang pegawai polis, semuanya berusia dalam lingkungan 30 hingga 40-an.

Semua suspek ditahan secara berasingan di antara jam 2 hingga 5 petang kelmarin di Ibu Pejabat SPRM dan Pejabat Imigresen Pulau Pinang menerusi operasi bersepadu yang dijalankan bersama Jabatan Imigresen sejak Mei lalu.

1,306 PLKS palsu

Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Seri Abd Halim Aman dalam kenyataan kelmarin berkata, siasatan awal mendapati sindiket itu meluluskan 1,306 PLKS palsu menggunakan kuota 2011 tanpa sebarang bayaran levi pas, sekaligus menyebabkan kerugian dianggarkan RM2.4 juta kepada kerajaan.

"Siasatan awal mendapati sindiket bertindak membayar wang rasuah antara RM1,000 hingga RM6,000 bagi setiap permohonan PLKS kepada pegawai imigresen terbabit sebagai balasan meluluskan permohonan tanpa mengikut prosedur ditetapkan," katanya.

Beliau berkata, operasi di sekitar Lembah Klang dan Pulau Pinang itu turut dibantu Cyber Security Malaysia, Telekom Malaysia dan Bahagian Forensik Teknologi SPRM dengan operasi menggeledah dijalankan di premis syarikat serta pejabat imigresen di Pulau Pinang dan Putrajaya.

Dalam operasi itu, SPRM menyita harta alih, antaranya wang tunai RM186,360, SGD700, barangan kemas RM15,700 dan pelbagai peranti elektronik termasuk telefon bimbit serta komputer riba yang dianggarkan bernilai RM36,000. BERNAMA



Suspek dibawa ke Mahkamah Majistret Putrajaya, semalam untuk permohonan tahanan reman. (Foto SPRM)

BERITA HARIAN

31.07.2026 (JUMAAT)



LAPORAN RCI TABUNG HAJI

Abdul Azeez sedia beri kerjasama jika kerajaan mahu siasat semula

Bekas Pengerusi TH dakwa laporan RCI bukti tidak wujud sebarang tindakan 'sakau' wang pendeposit

Oleh Zanariah Abd Mutalib, Fahmy A Rosli dan Ridhwan Rusydi Azri Roslan
bhnews@bh.com.my

Jelebu: Bekas Pengerusi Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim, menegaskan bersedia disiasat semula serta akan memberi kerjasama berhubung Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) TH yang didedahkan, kelmarin.

"Kalau kerajaan hendak siasat semula saya pun tidak mengapa. Saya bersedia memberi kerjasama sepenuhnya.

"Saya minta rakyat baca sendiri laporan setebal lebih 200 muka surat itu. Jangan dengar cakap orang atau hanya membaca sebahagian daripada laporan itu.

"Telitilah keseluruhan kandungannya sebelum membuat penilaian," katanya kepada pemberita ketika membantu kempen calon Barisan Nasional (BN) di kerusi Dewan Undangan Negeri Pertang, Datuk Seri Jaluddin Alias, di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Abdul Azeez berkata, laporan RCI itu membuktikan tidak wujud sebarang tindakan 'menyakau' wang pendeposit seperti dakwaan sebelum ini.

Beliau juga menegaskan hanya berperanan sebagai Pengerusi Bukan Eksekutif ketika itu dan tidak mempunyai kuasa meluluskan sebarang transaksi atau pelaburan secara bersendirian.

Katanya, setiap cadangan pelaburan perlu melalui Panel Pelaburan dan Bahagian Pengurusan Risiko sebelum dibentangkan kepada Ahli Lembaga Pengarah, manakala kelulusan akhir tertakluk bawah bidang kuasa Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) ketika itu, Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Abdul Azeez mempersoal tujuan RCI itu didedahkan ketika kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) Negeri Sembilan, sedangkan laporan itu siap sejak 2022.

"Saya tidak tahu kenapa tiga tahun lapan bulan laporan itu tidak dikeluarkan. Yang tahu hanya Perdana Menteri.

"Dalam RCI itu sendiri jelas menyatakan laporan berkenaan boleh diterbitkan kepada umum," katanya.

Patuhi syor pelaburan

Sementara itu Jamil Khir menegaskan, beliau tidak pernah bertindak melangkaui syor berkaitan pelaburan yang dibawa TH ketika bertanggungjawab ke atas institusi itu dari 2009 hingga 2018.

Jamil Khir berkata, TH meletakkan satu garis panduan tadbir urus daripada pihak kerajaan, iaitu menteri tidak boleh meluluskan sebarang permohonan, permintaan, menjual dan membeli harta serta menyewa, melainkan mendapat syor daripada TH.

Katanya, TH juga tidak boleh membuat apa-apa cadangan, melainkan diteliti terlebih dahulu oleh kumpulan pengurusan risiko bagi memastikan ia mematuhi tadbir urus yang baik dan patuh syariah.

"Sebab itu saya sangat yakin, apabila dalam RCI mengenai TH, saya kata tolong semak balik, mana memorandum yang dibawa kepada saya, yang saya melangkaui daripada cadangan yang dibawa oleh Lembaga Pengarah.

"Kuasa menteri berdasarkan syor daripada Lembaga Pengarah," katanya.

Ditanya sama ada beliau sedia untuk disiasat, Jamil Khir, berkata beliau tidak ada masalah jika dipanggil dan sudah pun melalui pengalaman itu sebelum ini.

"Jika nak siasat, tidak apalah. Takkan kita nak lari pula kan? Saya rakyat Malaysia," katanya.

Beliau yang juga Ahli Majlis Kerja Tertinggi (MKT) UMNO berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Pelancaran Ikrar Wanita Negeri Sembilan oleh Wanita Barisan Nasional (BN) Negeri Sembilan di sini, semalam.

Dalam perkembangan berkaitan, hantaran Facebook bekas Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Nik Mohd Hasyudeen Yusoff, mengundang persoalan kepada siapa yang beliau tuju mesej berkenaan?

Hantaran yang dikongsikan semalam 'kena pada masanya' selepas laporan RCI TH diterbitkan malam kelmarin dan mungkin ditujukan kepada pihak tertentu antaranya orang politik.

Mesej beliau dilihat seperti mengkritik secara sinis pihak terbabit atau sesetengah kumpulan yang gemar menyebar atau membincangkan tuduhan yang belum terbukti kesahihannya.

Nik Mohd Hasyudeen ditamatkan perkhidmatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif pada 5 Mei 2021, iaitu sebelum kontraknya yang disambung selama dua tahun berakhir pada 31 Ogos 2021.

Sidang khas bahas RCI TH 11 Ogos

Kuala Lumpur: Sidang khas untuk membahaskan dapatan Laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenai Lembaga Tabung Haji (TH) akan diadakan pada 11 Ogos ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau sudah berbincang mengenai sidang khas itu dengan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul.

"Perkara ini akan dibawa ke Parlimen pada 10 pagi, 11 Ogos, dan sesi berkenaan akan berlangsung sehingga petang," kata beliau yang juga Menteri Kewangan.

"Saya minta rakyat baca sendiri laporan setebal lebih 200 muka surat itu. Jangan dengar cakap orang atau hanya membaca sebahagian daripada laporan itu"

Abdul Azeez Abdul Rahim, Bekas Pengerusi TH

"Saya tidak pernah bertindak melangkaui syor berkaitan pelaburan yang dibawa TH ketika bertanggungjawab ke atas institusi itu dari 2009 hingga 2018"

Jamil Khir Baharom, Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri

BERITA HARIAN

31.07.2026 (JUMAAT)

SPRM tubuh pasukan khas teliti laporan RCI

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menubuhkan pasukan khas bagi menyemak dan meneliti hasil laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Lembaga Tabung Haji (TH).

SPRM dalam kenyataan berkata, Pengarah Kanan Bahagian Siasatan SPRM, Datuk Mohd Hafaz Nazar dilantik mengetuai pasukan khas berkenaan bagi meneliti isu perundangan membabitkan unsur rasuah, penyelewengan, pemalsuan dokumen, salah guna kuasa atau pengubahan wang haram.

SPRM berkata, setakat ini, pihaknya akan menggunakan dua undang-undang iaitu Akta SPRM 2009 dan AMLATFPUAA 2001 dalam tindakan berkenaan.

SPRM juga tidak menolak kemungkinan mana-mana kesalahan yang berkaitan juga diambil tindakan.

"SPRM komited untuk memastikan setiap isu yang dibangkitkan melalui laporan itu diteliti dengan sewajarnya dan sekiranya terdapat sebarang pelanggaran undang-undang, tindakan tegas akan diambil tanpa mengira kedudukan atau latar belakang individu yang terbabit.

"SPRM sentiasa menjunjung prinsip kedaulatan undang-undang, akauntabiliti dan integriti dalam melaksanakan tanggungjawab selaras dengan usaha berterusan memperkukuh tadbir urus negara tanpa campur tangan daripada mana-mana pihak," katanya.

Krisis kewangan TH yang bermula dengan ketidakpadanan aset dan liabiliti membawa kepada pelaksanaan pelan pemulihan berskala besar, sebelum disusuli penubuhan RCI bagi menyiasat isu-isu berbangkit bagi tempoh 2014 hingga 2020.

Jemaah Menteri kelmarin mengelaskan semula serta mendedahkan laporan RCI itu kepada umum, selain memutuskan siasatan lanjut oleh badan penguat kuasa diteruskan berdasarkan dapatan laporan berkenaan.